

**DERAF TEKS UCAPAN**

**TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
PERTANDINGAN GOLF SEMPENA HARJADI TYT YANG DI-  
PERTUA NEGERI PULAU PINANG  
4 DISEMBER 2013 (RABU), JAM 2:00 PETANG  
DI MISSION HILL GOLF COURSE, HAIKOU, CHINA**

---

**Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman  
bin Haji Abbas**

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang

Dan

**Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato Seri Utama Hajah Majimor  
binti Shariff**

**Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang**

Yang Di-Pertua Dewan Undang Negeri Pulau Pinang

Dan

**Yang Bahagia Datin Teoh Hooi Tuang**

**Yang Berhormat Dato Seri Choot Ewe Seng**

Presiden Persatuan Persahabatan Hainan-Penang

Penaja-penaja Pertandingan Golf Sempena dengan sambutan Hari Jadi  
TYT Yang Ke-75,

Dato' Khor Teng Tong dan Dato' Dr Ooi Eng Hock

Y.Bhg. Dato'-Dato, Para Peserta Golf,Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

---

Assalamualaikum wbth, salam sejahtera dan selamat tengahari,

Bersyukur saya kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah perkenan serta izinnya, kita semua dapat berkumpul di Mission Hills Golf Course, Haikou, Hainan, China bagi menyambut Hari Jadi yang ke-75 Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sempena dengan Majlis yang diadakan hari ini, saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai dan semua peserta serta penduduk Seberang Perai dengan penuh takzim dan penuh kesyukuran mengucapkan Selamat Hari Jadi yang ke-75 kepada Tuan Yang Terutama Tun. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan sentiasa mendapat rahmat daripada Tuhan Yang Maha Esa serta sihat sejahtera untuk terus memainkan peranan sebagai ketua pemerintahan Negeri Pulau Pinang.

Penganjuran Pertandingan Golf sempena dengan Sambutan Hari Jadi T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang diadakan setiap 2 tahun oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai. Pada tahun ini, saya sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dilantik oleh Jawatankuasa Induk Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

untuk menganjurkan Pertandingan Golf Sempena Hari Jadi TYT yang ke-75. Ini merupakan kali pertama pertandingan Golf anjuran MPSP diadakan di luar negara dan penyertaan Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan dalam pertandingan ini ketika saya diamanahkan sebagai Yang Dipertua MPSP, amat memberi erti dan ingatan mendalam kepada saya.

Untuk pertandingan kali ini, sebanyak 28 penyertaan telah diterima dan Majlis juga telah menyediakan hadiah-hadiah bernilai RM 15,400.00. Selain itu, cabutan bertuah juga disediakan untuk semua peserta untuk kejohanan pada kali ini.

Disini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada penaja Pertandingan Golf kali ini iaitu, Dato' Khor Teng Tong dan Dato' Dr Ooi Eng Hock. Terima kasih. Kek Hari Jadi TYT Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang merupakan sumbangan daripada Mission Hill Resort.

Saya tidak berhasrat untuk berucap lebih panjang lagi kerana saya percaya semua peserta telah penat. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Jadi Yang ke-75 kepada Tuan Yang Terutama Tun, semoga Tuan Yang Terutama Tun sentiasa

mendapat rahmat dan keberkataan dari ALLAH SWT dan dianugerahkan kesihatan yang sejahtera.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Saya sudahi dengan Wabilahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh. Sekian, terima kasih